

SOALAN NO : 4

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN TEO NIE CHING
[KULAI]
TARIKH : 12 JUN 2014
SOALAN :

YB Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan pendekatan untuk menggalakkan penyusuan susu ibu dan cara untuk membantu golongan ibu bekerja yang menyusu badan.

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melaksanakan pelbagai pendekatan untuk menggalakkan amalan penyusuan susu ibu di kalangan ibu-ibu di Malaysia terutamanya kepada ibu yang bekerja. Antara inisiatif yang dijalankan oleh KKM dengan kerjasama agensi kerajaan dan bukan kerajaan adalah seperti berikut:

1. Melaksanakan Inisiatif Hospital Rakan Bayi di hospital-hospital kerajaan dan swasta bermula pada tahun 1992. Inisiatif ini dapat membantu ibu-ibu memulakan penyusuan susu ibu semasa di hospital dan

meneruskannya setelah kembali ke rumah. Semua hospital kerajaan telah mencapai status Hospital Rakan Bayi dan ia sedang dimantapkan ke hospital swasta. Sehingga Disember 2013, sebanyak 132 buah hospital kerajaan dan 12 hospital swasta telah diiktiraf sebagai Hospital Rakan Bayi;

2. Melaksanakan Tata Etika Pemasaran Makanan Bayi dan Produk Berkaitan sejak tahun 1979 untuk mengawal pemasaran produk susu formula bayi secara tidak beretika;
3. Menggalakkan penubuhan kumpulan sokongan penyusuan susu ibu di peringkat hospital, klinik dan komuniti. Sehingga Disember 2013, terdapat 385 kumpulan sokongan yang ditubuhkan di peringkat hospital dan klinik. Sementara itu, 42 kumpulan sokongan baru pula telah ditubuhkan di peringkat komuniti pada tahun 2012 dan 2013;
4. Menggalakkan tempat-tempat kemudahan awam termasuk pusat membeli belah untuk menyediakan kemudahan bagi ibu menyusukan bayi. Data terkini daripada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menunjukkan terdapat sejumlah 148 tempat-tempat kemudahan awam yang telah menyediakan kemudahan ini; dan
5. Menggalakkan pihak majikan kerajaan dan swasta menyediakan tempat penjagaan anak (crèche) di tempat kerja serta menyediakan kemudahan penyusuan susu ibu di tempat kerja.

Dari segi sokongan sosial pula, inisiatif yang telah dilaksanakan ialah:

1. Memberi kelonggaran kepada pekerja wanita dalam sektor awam untuk mengambil cuti bersalin 60 hingga 90 hari untuk setiap kelahiran dari jumlah cuti bersalin 300 hari sepanjang perkhidmatan mereka;
2. Memberi cuti untuk suami menjaga isteri yang bersalin selama 7 hari. Para ibu juga dibenarkan mengambil cuti tambahan tanpa gaji selama 5 tahun untuk menjaga anak;
3. Memberi insentif sehingga RM200,000.00 dalam Geran Pelancaran Penubuhan Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) pada tahun 2010; dan
4. Potongan cukai 2 kali ke atas majikan yang menyediakan elaun atau subsidi kepada pekerja dan perbelanjaan penyelenggaraan kemudahan taska dan pusat jagaan kanak-kanak.

Pihak KKM juga sentiasa bekerjasama dan menjalankan usaha yang berterusan dengan semua pihak terutamanya pihak media bagi meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan susu ibu dan peranan mereka dalam menyokong dan menggalakkan amalan penyusuan susu ibu di Malaysia.